



AGENDA

**Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Ke-26/2025
Pada 04 Oktober 2025 (Sabtu)
Bertempat Di Dewan Hakka, Sandakan, Sabah**

1. Memilih Pengerusi Sementara dan Setiausaha Sementara;
2. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-25/2024 bertarikh 19 Oktober 2024;
3. Menimbang laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam dan pandangan Suruhanjaya mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi;
4. Menimbang dan meluluskan akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024, akaun teraudit subsidiari Koperasi, Syarikat Green Ladang Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 31 Disember 2024, cadangan pembahagian keuntungan dan laporan Juruaudit Koperasi;
5. Menimbang dan meluluskan bajet tahunan tambahan bagi tahun 2024, bajet tahunan tambahan bagi tahun 2025 dan bajet tahunan bagi tahun kewangan 2026;
6. Meluluskan elaun-elaun kepada Anggota-Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam dan saraan kepada Anggota-Anggota Lembaga yang dilantik sebagai Pengarah bagi subsidiari Koperasi;
7. Meluluskan Firma Panel Audit Luaran;
8. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan daripada wang berlebihan Koperasi;
9. Menetapkan had maksimum keterhutangan Koperasi;
10. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa urusan lain Koperasi ini yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari dan boleh dikemukakan lebih awal kepada Koperasi mengenainya;
11. Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil Koperasi ini;
12. Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan daripada mana-mana anggota yang terkilan dengan sesuatu keputusan Lembaga, dengan syarat suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari dan boleh dikemukakan lebih awal kepada Koperasi mengenainya;
13. Meluluskan apa-apa perbelanjaan bagi perlantikan orang-orang yang kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalam;
14. Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut kehendak Akta dan Peraturan;
15. Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan deraf minit Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-26/2025 bertarikh 04 Oktober 2025; dan
16. Memilih Anggota-Anggota Lembaga Koperasi Green Sabah Berhad.